



# GARIS PANDUAN PERMOHONAN LESEN PERNIAGAAN PENGENDALIAN PELANCONGAN / PERNIAGAAN AGENSI PENGEMBARAAN

---

(Garis Panduan Ini mengandungi keseluruhan Garis Panduan mengenai Perniagaan Pengendalian Pelancongan / Perniagaan Agensi Pengembaraan iaitu Permohonan Lesen, Tambah Bidang, Lesen Tambahan, Perubahan Status & Lokasi Premis dan Permohonan Pembaharuan Lesen)

# ISI KANDUNGAN

---

1. Garis Panduan Permohonan Lesen Perniagaan Pengendalian Pelancongan/ Perniagaan Agensi Pengembaraan.
2. Garis Panduan Permohonan Tambah Bidang Lesen Perniagaan Pengendalian Pelancongan / Perniagaan Agensi Pengembaraan.
3. Garis Panduan Permohonan Lesen Tambahan (Pejabat Cawangan) Perniagaan Pengendalian Pelancongan / Perniagaan Agensi Pengembaraan.
4. Garis Panduan Permohonan Perubahan Status dan Lokasi Premis Perniagaan Pengendalian Pelancongan / Perniagaan Agensi Pengembaraan.
5. Garis Panduan Permohonan Pembaharuan Lesen Perniagaan Pengendalian Pelancongan / Perniagaan Agensi Pengembaraan.

**DISEDIAKAN OLEH :**

Bahagian Pelesenan Pelancongan

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia

Aras 1, Menara 1, Jalan P5/6, Presint 5

62200 Putrajaya

E-mel : [espip@motac.gov.my](mailto:espip@motac.gov.my) (Bantuan Teknikal SPIP)



# GARIS PANDUAN PERMOHONAN LESEN

---

PERNIAGAAN PENGENDALIAN PELANCONGAN /  
PERNIAGAAN AGENSI PENGEMBARAAN

## GARIS PANDUAN PERMOHONAN LESEN PERNIAGAAN PENGENDALIAN PELANCONGAN / PERNIAGAAN AGENSI PENGEMBARAAN

---

### 1. Syarat-syarat permohonan :

- (a) **Syarikat Sendirian Berhad** yang diperbadankan di bawah **Akta Syarikat 1965**.
- (b) Mematuhi syarat modal berbayar diterbitkan dan had ekuiti yang ditetapkan seperti di **Lampiran A**.  
(Syarikat yang mempunyai pegangan saham **Syarikat Asing dengan ekuiti melebihi 51% tidak dibenarkan memiliki lesen Kenderaan Pelancongan** bagi syarikat di Sabah, Sarawak dan WP Labuan).
- (c) Pemegang Saham tidak mempunyai kepentingan (ekuiti saham) di dalam mana-mana syarikat agensi pelancongan yang berlesen dibawah **Akta Industri Pelancongan (AIP) 1992**.
- (d) Pemegang saham (Syarikat Asing) hendaklah telah beroperasi di negara asal **sekurang-kurangnya 5 tahun**.
- (e) **Nama syarikat** hendaklah melambangkan syarikat yang menjalankan Perniagaan Pengendalian Pelancongan dan Perniagaan Agensi Pengembaraan (*travel, tours, holiday, vacation, adventure* dsb).
- (f) **Memorandum and Articles of Association** atau **Borang 11 (Notice of Resolution)** hendaklah menyatakan perniagaan yang dijalankan adalah Perniagaan Pengendalian Pelancongan dan Perniagaan Agensi Pengembaraan. ("*To carry business in Tour Operating Business and Travel Agency Business*").
- (g) Bebas daripada **kompau**n di bawah **Akta Industri Pelancongan (AIP) 1992** atau **Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan (APKP) 1999** (Sabah, Sarawak dan WP Labuan).

### 2. Dokumen yang diperlukan:

- (a) **Memorandum and Articles of Association** (MAA).
- (b) **Borang 9** (*Certificate of Incorporation of Private Company*).
- (c) **Borang 11** (*Notice of Resolution*) – jika berkenaan.
- (d) **Borang 13** (*Certificate of Incorporation on Change of Name of Company*) – jika berkenaan.
- (e) **Borang 24** (*Returned of Allotment of Shares*).
- (f) **Borang 32A** (*Form of Transfer of Securities*) – jika berkenaan
- (g) **Borang 44** (*Notice of Situation of Registered Office and Office Hours and Particulars of Changes*).
- (h) **Borang 49** (*Return Giving Particulars in Register of Directors, Managers and Change of Particulars*).
- (i) **MyKad** (Warganegara Malaysia) / **Pasport** (Bukan Warganegara Malaysia) bagi Pemegang Saham dan Ahli Lembaga Pengarah.
- (j) **Bukti Pengalaman Kerja** :
  - **Dokumen sokongan / Surat pengesahan pengalaman kerja** daripada majikan terdahulu atau majikan semasa bagi Pemegang Saham, Ahli Lembaga Pengarah dan kakitangan dan **Biodata** (*resume*);

- **Borang 24, Borang 49 atau Pendaftaran syarikat berkaitan** jika Lembaga Pengarah dan Pemegang Saham adalah Pemilik atau Pengarah di syarikat perniagaan lain; dan
- **MAA, Borang 24, Borang 49 dan Profail syarikat** jika Pemegang Saham adalah syarikat.

- (k) Salinan **Perakuan Pendaftaran Syarikat dan lesen syarikat** bagi Pemegang Saham/ekuiti Syarikat Asing. Salinan dokumen tersebut hendaklah **disahkan** oleh **Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia** (Tourism Malaysia) atau **Kedutaan Malaysia** atau **Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Malaysia** di negara berkenaan.
- (l) **Sijil kelayakan akademik berkaitan bidang pelancongan/perniagaan** bagi Pemegang Saham, Ahli Lembaga Pengarah dan kakitangan (jika ada).
- (m) **Surat hubungan kerjasama** perniagaan dengan pengusaha agensi pelancongan luar negara bagi permohonan lesen bidang *Outbound*.
- (n) **Deraf cadangan Pakej Pelancongan** yang akan ditawarkan bagi permohonan lesen bidang *Inbound / Outbound*.
- (o) **Kertas kerja** yang mengandungi perancangan perniagaan, sasaran bilangan kemasukan pelancong ke Malaysia dan pendapatan jangka masa pendek bagi syarikat yang mempunyai Pemegang Saham/ekuiti Syarikat Asing.
- (p) Salinan **Laporan Penyata Kewangan Tahunan Beraudit Terkini** yang telah diserahkan dan disahkan oleh **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** bagi syarikat yang pernah berlesen dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia sebelum ini tetapi **lesen telah tamat atau dibatalkan**.

### 3. Tatacara Permohonan

- (a) Melengkapkan maklumat permohonan di dalam Sistem Pelesenan Industri Pelancongan (SPIP) melalui laman sesawang [www.spip.gov.my](http://www.spip.gov.my) ;
- (b) Semua dokumen seperti yang dinyatakan di **para 2** hendaklah dimuatnaik ke dalam SPIP.

### 4. Fi Pemerosesan

- (a) Pembayaran secara *online*: **RM100.00** bagi setiap permohonan di [www.spip.gov.my](http://www.spip.gov.my) atau
- (b) Pembayaran secara manual : **RM100.00** dalam bentuk Wang Pos / Deraf Bank / Kiriman Wang sahaja atas nama **PESURUHJAYA PELANCONGAN**

5. **Keputusan Permohonan** : Surat keputusan permohonan akan di alamatkan kepada alamat berdaftar syarikat (*Company Secretary* seperti yang tertera dalam **Borang 44** syarikat).

### 5.1 **Bagi permohonan yang DILULUSKAN**

No.Lesen akan dinyatakan dalam surat keputusan, dan sebelum lesen serta *stiker* diserahkan, syarikat hendaklah:

- (a) **Menyediakan premis perniagaan dalam tempoh dua (2) bulan daripada tarikh surat kelulusan** mengikut kriteria-kriteria seperti berikut:
  - Keperluan keluasan premis seperti di **Lampiran B**;
  - Premis operasi Ibu Pejabat adalah berstruktur dan mempunyai alamat tetap;
  - Premis tidak berkongsi dengan apa-apa perniagaan selain yang dilesenkan; dan
  - Premis mestilah di kawasan komersil dan bukan di rumah kediaman.
- (b) **Mengemukakan dokumen untuk tujuan pemeriksaan premis** iaitu :
  - Salinan perjanjian penyewaan premis (*Tenancy Agreement*) hendaklah sekurangnya-kurangnya untuk tempoh satu (1) tahun atau salinan "*Sales & Purchase*" (S&P) jika premis adalah milik syarikat;
  - Lakaran pelan lantai (*floor plan*);
  - Gambar berwarna bahagian dalam & luar premis.
- (c) **Mengemukakan salinan Sijil Keahlian Persatuan Pelancongan yang diiktiraf** oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia seperti di **Lampiran C**.
- (d) **Mengemukakan salinan Sijil TTMC:**

Sekurang-kurangnya seorang wakil syarikat telah menghadiri kursus *Travel and Tour Management Course* (TTMC) yang dianjurkan oleh Institut Latihan Pelancongan (ILP) yang berlesen dengan KPK. Wakil syarikat adalah seperti berikut:

  - Ahli Lembaga Pengarah; atau
  - Kakitangan yang berada diperingkat pengurusan tertinggi syarikat (Contoh: Ketua Pegawai Eksekutif / Ketua Pegawai Operasi / Pengurus Besar dsb).
- (e) **Menjelaskan fi lesen:**
  - Setelah menerima surat makluman yang menyatakan premis berkenaan memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh pihak Kementerian.
  - Telah memenuhi semua syarat yang dikenakan (jika berkenaan).

### 5.2 **Bagi permohonan yang TIDAK DILULUSKAN**

- (a) Syarikat boleh mengemukakan **rayuan secara *online* melalui [www.spip.gov.my](http://www.spip.gov.my) dalam tempoh 14 hari** dari tarikh surat keputusan dikeluarkan;
- (b) Mengemukakan dokumen-dokumen berkaitan berdasarkan alasan penolakan permohonan;
- (c) Menjelaskan **kompaun** (jika ada) bagi kesalahan di bawah **AIP 1992** atau **APKP 1999** (Sabah, Sarawak dan WP Labuan);
- (d) Rayuan hanya boleh dibuat **sekali sahaja** kerana keputusan rayuan adalah **muktamad dan konklusif**. Tiada rayuan atas rayuan boleh dibuat; dan
- (e) Sekiranya rayuan ditolak, syarikat boleh mengemukakan permohonan baru secara online melalui [www.spip.gov.my](http://www.spip.gov.my).

6. **Piagam Pelanggan** : **5 hari bekerja** dari tarikh permohonan lengkap diterima.

7. **Fi lesen** : Rujuk jadual di bawah:

<b>BIL.</b>	<b>BIDANG</b>	<b>FI LESEN</b>	<b>TEMPOH LESEN</b>
1.	Inbound	RM 250	1 tahun
2.	Outbound	RM 500	1 tahun
3.	Ticketing	RM 200	1 tahun
4.	Inbound & Outbound	RM 750	1 tahun
5.	Inbound & Ticketing	RM 450	1 tahun
6.	Outbound & Ticketing	RM 700	1 tahun
7.	Inbound, Outbound & Ticketing	RM 950	1 tahun

8. **Tarikh Kuatkuasa** :

Garis Panduan ini adalah berkuatkuasa mulai **2 SEPTEMBER 2014**

**Nota:**

Inbound = Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam Negeri

Outbound = Perniagaan Pengendalian Pelancongan Luar Negeri

Ticketing = Perniagaan Agensi Pengembaraan

Syarikat Asing = Pengusaha Agensi Pelancongan Berlesen di Luar Malaysia

**SYARAT PEGANGAN SAHAM, HAD EKUITI DAN MODAL BERBAYAR  
SYARIKAT PERNIAGAAN PENGENDALIAN PELANCONGAN DAN PERNIAGAAN AGENSI PENGEMBARAAN**

BIL.	BIDANG	PEMEGANG SAHAM	HAD EKUITI PEGANGAN SAHAM (MAKSIMA)	LOKASI PREMIS	MODAL BERBAYAR DITERBITKAN ( MINIMA)
1.	Inbound	Syarikat Asing (ASEAN / Bukan ASEAN)	100%	Bandar / Luar Bandar	RM 1,500,000
2.	Inbound & Ticketing	Syarikat Asing (ASEAN)	70% - Singapura / Kemboja sahaja 51% - Selain Singapura / Kemboja	Bandar / Luar Bandar	RM 1,000,000
3.	Inbound & Ticketing	Syarikat Asing (Bukan ASEAN)	30%	Bandar / Luar Bandar	RM 500,000
4.	Outbound	Syarikat Asing (ASEAN / Bukan ASEAN)	Tidak Dibenarkan	Tidak Berkaitan	Tidak Berkaitan
5.	Inbound	Warganegara / Syarikat Tempatan	100%	Bandar	RM 200,000
				Luar Bandar	RM 50,000
6.	Outbound	Warganegara / Syarikat Tempatan	100%	Bandar / Luar Bandar	RM 200,000
7.	Ticketing	Warganegara / Syarikat Tempatan	100%	Bandar	RM 200,000
				Luar Bandar	RM 100,000
8.	Inbound & Outbound	Warganegara / Syarikat Tempatan	100%	Bandar / Luar Bandar	RM 200,000
9.	Inbound & Ticketing	Warganegara / Syarikat Tempatan	100%	Bandar	RM 200,000
				Luar Bandar	RM 150,000
10.	Outbound & Ticketing	Warganegara / Syarikat Tempatan	100%	Bandar / Luar Bandar	RM 200,000
11.	Inbound, Outbound & Ticketing	Warganegara / Syarikat Tempatan	100%	Bandar / Luar Bandar	RM 200,000

Nota : (1) Kategori **Bandar** jika lokasi premis perniagaan berada di kawasan **Majlis Bandaraya** dan **Majlis Perbandaran**.

(2) Kategori **Luar Bandar** jika lokasi premis perniagaan berada di kawasan **Majlis Daerah**.



## LAMPIRAN B

**SYARAT KELUASAN PREMIS**  
**PERNIAGAAN PENGENDALIAN PELANCONGAN/PERNIAGAAN AGENSI PENGEMBARAAN**

KELULUSAN PERMOHONAN	KAWASAN BANDAR (MAJLIS BANDARAYA & MAJLIS PERBANDARAN)		KAWASAN LUAR BANDAR (MAJLIS DAERAH)		Pengecualian Keluasan Premis (Tiada Had Keluasan Minima)
	Bidang	Keluasan Minima (KPS)	Bidang	Keluasan Minima (KPS)	
Lesen Induk (Ibu Pejabat)	Ticketing	80	Ticketing	50	(1) <i>Ticket/Tour Counter</i> di lapangan terbang, jeti pelancongan dan terminal bas  (2) <i>Tour Desk</i> di Lobi hotel  (3) <i>Kiosk / Booth</i> di Kompleks Beli belah
	Inbound	200	Inbound	100	
	Outbound	200	Outbound	100	
	Inbound & Outbound	250	Inbound & Outbound	150	
	Inbound & Ticketing	250	Inbound & Ticketing	150	
	Outbound & Ticketing	250	Outbound & Ticketing	150	
	Inbound & Outbound & Ticketing	300	Inbound & Outbound & Ticketing	200	
Lesen Tambahan (Pejabat Cawangan)	Ticketing	40	Ticketing	25	(1) <i>Ticket/Tour Counter</i> di lapangan terbang, jeti pelancongan dan terminal bas  (2) <i>Tour Desk</i> di Lobi hotel  (3) <i>Kiosk / Booth</i> di Kompleks Beli-belah
	Inbound	100	Inbound	50	
	Outbound	100	Outbound	50	
	Inbound & Outbound	125	Inbound & Outbound	75	
	Inbound & Ticketing	125	Inbound & Ticketing	75	
	Outbound & Ticketing	125	Outbound & Ticketing	75	
	Inbound & Outbound & Ticketing	150	Inbound & Outbound & Ticketing	100	

Nota : KPS ialah Kaki Persegi

**LAMPIRAN C**

**SENARAI PERSATUAN**  
**AGENSI PENGENDALIAN PELANCONGAN DAN AGENSI PENGEMBARAAN YANG**  
**DIIKTIRAF OLEH KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA**

---

1. Persatuan Ejen-Ejen Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia (**MATTA** – Malaysia Association of Tour & Travel Agent); atau
2. Persatuan Agensi Perlancongan dan Pengembaraan Bumiputera (**BUMITRA** – Bumiputera Travel And Tour Agents Association of Malaysia); atau
3. Persatuan Pelancongan Cina Malaysia (**MCTA** – Malaysia Chinese Tourism Association); atau
4. Persatuan Pelancongan dan Pengembaraan India Malaysia (**MITA** – Malaysia Indian Tour & Travel Association); atau
5. Pertubuhan Pelancongan Dalam Negeri Malaysia (**MiTA** – Malaysia Inbound Tourism Association); atau
6. Persatuan Kereta Sewaaan Malaysia (**CRAM** – Car Rental Association of Malaysia).



# GARIS PANDUAN PERMOHONAN TAMBAH BIDANG

---

PERNIAGAAN PENGENDALIAN PELANCONGAN /  
PERNIAGAAN AGENSI PENGEMBARAAN

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN TAMBAH BIDANG LESEN  
PERNIAGAAN PENGENDALIAN PELANCONGAN / PERNIAGAAN AGENSI PENGEMBARAAN**

---

1. **Syarat-syarat permohonan :**

- (a) Syarikat telah beroperasi **sekurang-kurangnya 1 tahun**.
- (b) Lesen Ibu Pejabat masih sah.
- (c) Mematuhi syarat modal berbayar diterbitkan dan had ekuiti yang ditetapkan seperti di **Lampiran A**.
- (d) Bebas daripada **kompaun** di bawah **Akta Industri Pelancongan (AIP) 1992** atau **Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan (APKP) 1999** (Sabah, Sarawak dan WP Labuan).

2. **Dokumen yang diperlukan:**

- (a) Salinan **Laporan Penyata Kewangan Tahunan Beraudit Terkini** yang telah diserahkan dan disahkan oleh **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)**.
- (b) **Deraf Cadangan Pakej Pelancongan** yang akan ditawarkan bagi permohonan lesen bidang *Inbound / Outbound*.
- (c) **Surat Hubungan Kerjasama** perniagaan dengan pengusaha agensi pelancongan luar negara bagi permohonan lesen bidang *Outbound*.

3. **Tatacara Permohonan:**

- (a) Melengkapkan maklumat permohonan di dalam Sistem Pelesenan Industri Pelancongan (SPIP) melalui laman sesawang [www.spip.gov.my](http://www.spip.gov.my).
- (b) Semua dokumen seperti yang dinyatakan di **para 2** hendaklah dimuatnaik ke dalam SPIP.

4. **Fi Pemerosesan :**

- (a) Pembayaran secara *online*: **RM100.00** bagi setiap permohonan di [www.spip.gov.my](http://www.spip.gov.my); atau
- (b) Pembayaran secara manual : **RM100.00** dalam bentuk Wang Pos / Deraf Bank / Kiriman Wang sahaja atas nama **PESURUHJAYA PELANCONGAN**.

5. **Piagam Pelanggan : 5 hari bekerja** dari tarikh permohonan lengkap diterima.

6. **Keputusan Permohonan** : Surat keputusan permohonan akan di alamatkan kepada alamat berdaftar syarikat.

6.1 **Bagi permohonan yang DILULUSKAN**

Sebelum lesen serta *stiker* diserahkan, syarikat hendaklah:

- (a) Mematuhi syarat keluasan premis seperti di **Lampiran B**;
- (b) Menjelaskan fi lesen bagi Ibu Pejabat dan setiap Cawangan (Jika Ada); dan
- (c) Mengembalikan lesen dan *sticker* asal untuk dipinda bagi menambahkan bidang lesen yang telah diluluskan.

## 6.2 **Bagi permohonan yang TIDAK DILULUSKAN**

- (a) Syarikat boleh mengemukakan **rayuan secara online** melalui [www.spip.gov.my](http://www.spip.gov.my) **dalam tempoh 14 hari** dari tarikh surat keputusan dikeluarkan;
- (b) Mengemukakan dokumen-dokumen berkaitan berdasarkan alasan penolakan permohonan;
- (c) Menjelaskan **kompaun** (jika ada) bagi kesalahan di bawah **AIP 1992** atau **APKP 1999** (Sabah, Sarawak dan WP Labuan);
- (d) Rayuan hanya boleh dibuat **sekali sahaja** kerana keputusan rayuan adalah muktamad dan **konklusif**. Tiada rayuan atas rayuan boleh dibuat; dan
- (e) Sekiranya rayuan ditolak, syarikat boleh mengemukakan permohonan baru secara online melalui [www.spip.gov.my](http://www.spip.gov.my).

## 7. **Fi lesen** : Rujuk jadual di bawah.

<b>BIL.</b>	<b>BIDANG</b>	<b>TEMPOH LESEN</b>	<b>FI LESEN (IBU PEJABAT)</b>	<b>FI LESEN TAMBAHAN (PEJABAT CAWANGAN)</b>
1.	Inbound	1 tahun	RM 250	RM 150
2.	Outbound	1 tahun	RM 500	RM 350
3.	Ticketing	1 tahun	RM 200	RM 100
4.	Inbound & Outbound	1 tahun	RM 750	RM 500
5.	Inbound & Ticketing	1 tahun	RM 450	RM 250
6.	Outbound & Ticketing	1 tahun	RM 700	RM 450
7.	Inbound, Outbound & Ticketing	1 tahun	RM 950	RM 600

## 8. **Tarikh Kuatkuasa :**

Garis Panduan ini adalah berkuatkuasa mulai **2 SEPTEMBER 2014**

### **Nota:**

Inbound = Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam Negeri

Outbound = Perniagaan Pengendalian Pelancongan Luar Negeri

Ticketing = Perniagaan Agensi Pengembaraan

## LAMPIRAN A

**SYARAT PEGANGAN SAHAM, HAD EKUITI DAN MODAL BERBAYAR  
SYARIKAT PERNIAGAAN PENGENDALIAN PELANCONGAN DAN PERNIAGAAN AGENSI PENGEMBARAAN**

BIL.	BIDANG	PEMEGANG SAHAM	HAD EKUITI PEGANGAN SAHAM (MAKSIMA)	LOKASI PREMIS	MODAL BERBAYAR DITERBITKAN ( MINIMA)
1.	Inbound	Syarikat Asing (ASEAN / Bukan ASEAN)	100%	Bandar / Luar Bandar	RM 1,500,000
2.	Inbound & Ticketing	Syarikat Asing (ASEAN)	70% - Singapura / Kemboja sahaja 51% - Selain Singapura / Kemboja	Bandar / Luar Bandar	RM 1,000,000
3.	Inbound & Ticketing	Syarikat Asing (Bukan ASEAN)	30%	Bandar / Luar Bandar	RM 500,000
4.	Outbound	Syarikat Asing (ASEAN / Bukan ASEAN)	Tidak Dibenarkan	Tidak Berkaitan	Tidak Berkaitan
5.	Inbound	Warganegara / Syarikat Tempatan	100%	Bandar	RM 200,000
				Luar Bandar	RM 50,000
6.	Outbound	Warganegara / Syarikat Tempatan	100%	Bandar / Luar Bandar	RM 200,000
7.	Ticketing	Warganegara / Syarikat Tempatan	100%	Bandar	RM 200,000
				Luar Bandar	RM 100,000
8.	Inbound & Outbound	Warganegara / Syarikat Tempatan	100%	Bandar / Luar Bandar	RM 200,000
9.	Inbound & Ticketing	Warganegara / Syarikat Tempatan	100%	Bandar	RM 200,000
				Luar Bandar	RM 150,000
10.	Outbound & Ticketing	Warganegara / Syarikat Tempatan	100%	Bandar / Luar Bandar	RM 200,000
11.	Inbound, Outbound & Ticketing	Warganegara / Syarikat Tempatan	100%	Bandar / Luar Bandar	RM 200,000

Nota : (1) Kategori **Bandar** jika lokasi premis perniagaan berada di kawasan **Majlis Bandaraya** dan **Majlis Perbandaran**.

(2) Kategori **Luar Bandar** jika lokasi premis perniagaan berada di kawasan **Majlis Daerah**.

## LAMPIRAN B

**SYARAT KELUASAN PREMIS**  
**PERNIAGAAN PENGENDALIAN PELANCONGAN/PERNIAGAAN AGENSI PENGEMBARAAN**

KELULUSAN PERMOHONAN	KAWASAN BANDAR (MAJLIS BANDARAYA & MAJLIS PERBANDARAN)		KAWASAN LUAR BANDAR (MAJLIS DAERAH)		Pengecualian Keluasan Premis (Tiada Had Keluasan Minima)
	Bidang	Keluasan Minima (KPS)	Bidang	Keluasan Minima (KPS)	
Lesen Induk (Ibu Pejabat)	Ticketing	80	Ticketing	50	(4) <i>Ticket/Tour Counter</i> di lapangan terbang, jeti pelancongan dan terminal bas  (5) <i>Tour Desk</i> di Lobi hotel  (6) <i>Kiosk / Booth</i> di Kompleks Beli belah
	Inbound	200	Inbound	100	
	Outbound	200	Outbound	100	
	Inbound & Outbound	250	Inbound & Outbound	150	
	Inbound & Ticketing	250	Inbound & Ticketing	150	
	Outbound & Ticketing	250	Outbound & Ticketing	150	
	Inbound & Outbound & Ticketing	300	Inbound & Outbound & Ticketing	200	
Lesen Tambahan (Pejabat Cawangan)	Ticketing	40	Ticketing	25	(4) <i>Ticket/Tour Counter</i> di lapangan terbang, jeti pelancongan dan terminal bas  (5) <i>Tour Desk</i> di Lobi hotel  (6) <i>Kiosk / Booth</i> di Kompleks Beli-belah
	Inbound	100	Inbound	50	
	Outbound	100	Outbound	50	
	Inbound & Outbound	125	Inbound & Outbound	75	
	Inbound & Ticketing	125	Inbound & Ticketing	75	
	Outbound & Ticketing	125	Outbound & Ticketing	75	
	Inbound & Outbound & Ticketing	150	Inbound & Outbound & Ticketing	100	

Nota : KPS ialah Kaki Persegi



GARIS PANDUAN  
PERMOHONAN  
LESEN TAMBAHAN  
(PEJABAT CAWANGAN)

---

PERNIAGAAN PENGENDALIAN PELANCONGAN /  
PERNIAGAAN AGENSI PENGEMBARAAN



**GARIS PANDUAN PERMOHONAN LESEN TAMBAHAN (PEJABAT CAWANGAN)  
PERNIAGAAN PENGENDALIAN PELANCONGAN/PERNIAGAAN AGENSI PENGEMBARAAN**

---

1. **Syarat-syarat permohonan** :

- (a) Syarikat telah beroperasi **sekurang-kurangnya 1 tahun**.
- (b) Lesen Ibu Pejabat masih sah.
- (c) Mematuhi syarat modal berbayar diterbitkan dan had ekuiti yang ditetapkan seperti di **Lampiran A**.
- (d) Bebas daripada **kompaun** di bawah **Akta Industri Pelancongan (AIP) 1992** atau **Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan (APKP) 1999** (Sabah, Sarawak dan WP Labuan).

2. **Dokumen yang diperlukan:**

- (a) Salinan Laporan Penyata Kewangan Tahunan Beraudit Terkini yang telah diserahkan dan disahkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
- (b) Objektif pembukaan Pejabat Cawangan; dan
- (c) Salinan Perjanjian Penyewaan Premis Cawangan (jika ada).

3. **Tatacara Permohonan:**

- (a) Melengkapkan maklumat permohonan di dalam Sistem Pelesenan Industri Pelancongan (SPIP) melalui laman sesawang [www.spip.gov.my](http://www.spip.gov.my);
- (b) Semua dokumen seperti yang dinyatakan di **para 2** hendaklah dimuatnaik ke dalam SPIP.

9. **Fi Pemerosesan** :

- (a) Pembayaran secara *online* : **RM50.00** bagi setiap permohonan di [www.spip.gov.my](http://www.spip.gov.my); atau
- (b) Pembayaran secara manual : **RM50.00** dalam bentuk Wang Pos / Deraf Bank / Kiriman Wang sahaja atas nama **PESURUHJAYA PELANCONGAN**.

10. **Piagam Pelanggan** : **5 hari bekerja** dari tarikh permohonan lengkap diterima.

11. **Keputusan Permohonan** : Surat keputusan permohonan akan di alamatkan kepada alamat berdaftar syarikat.

11.1 **Bagi permohonan yang DILULUSKAN**

No.lesen tambahan akan dinyatakan dalam surat keputusan, dan sebelum lesen tambahan serta *stiker* diserahkan, syarikat hendaklah:

- (a) **Menyediakan premis perniagaan dalam tempoh dua (2) bulan daripada tarikh surat kelulusan** mengikut kriteria-kriteria seperti berikut:
  - Keperluan keluasan premis seperti di **Lampiran B**;
  - Premis operasi Ibu Pejabat adalah berstruktur dan mempunyai alamat tetap;
  - Premis tidak berkongsi dengan apa-apa perniagaan selain yang dilesenkan; dan
  - Premis mestilah di kawasan komersil dan bukan di rumah kediaman.

- (b) **Mengemukakan dokumen untuk tujuan pemeriksaan premis** iaitu :
- Salinan Perjanjian Penyewaan Premis (*Tenancy Agreement*) hendaklah sekurangnya-kurangnya untuk tempoh satu (1) tahun atau salinan "*Sales & Purchase*" (S&P) jika premis adalah milik syarikat;
  - Lakaran pelan lantai (*floor plan*); dan
  - Gambar berwarna bahagian dalam & luar premis;
- (c) **Menjelaskan fi lesen tambahan:**
- Setelah menerima surat makluman yang menyatakan premis berkenaan memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh Kementerian.
  - Telah memenuhi semua syarat yang dikenakan (jika berkenaan).

### 11.2 **Bagi permohonan yang TIDAK DILULUSKAN**

- (a) Syarikat boleh mengemukakan **rayuan secara *online* melalui [www.spip.gov.my](http://www.spip.gov.my) dalam tempoh 14 hari** dari tarikh surat keputusan dikeluarkan;
- (b) Mengemukakan dokumen-dokumen berkaitan berdasarkan alasan penolakan permohonan;
- (c) Menjelaskan **kompaun** (jika ada) bagi kesalahan di bawah **AIP 1992** atau **Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan (APKP) 1999** (Sabah, Sarawak dan WP Labuan);
- (d) Rayuan hanya boleh dibuat **sekali sahaja** kerana keputusan rayuan adalah muktamad dan **konklusif**. Tiada rayuan atas rayuan boleh dibuat; dan
- (e) Sekiranya rayuan ditolak, syarikat boleh mengemukakan permohonan baru secara *online* melalui [www.spip.gov.my](http://www.spip.gov.my).

12. **Fi lesen** : Rujuk jadual di bawah:

BIL.	BIDANG	TEMPOH LESEN	FI LESEN TAMBAHAN (PEJABAT CAWANGAN)
1.	Inbound	1 tahun	RM 150
2.	Outbound	1 tahun	RM 350
3.	Ticketing	1 tahun	RM 100
4.	Inbound dan Outbound	1 tahun	RM 500
5.	Inbound dan Ticketing	1 tahun	RM 250
6.	Outbound dan Ticketing	1 tahun	RM 450
7.	Inbound, Outbound & Ticketing	1 tahun	RM 600

### 13. **Tarikh Kuatkuasa :**

Garis Panduan ini adalah berkuatkuasa mulai **2 SEPTEMBER 2014**

## LAMPIRAN A

**SYARAT PEGANGAN SAHAM, HAD EKUITI DAN MODAL BERBAYAR  
SYARIKAT PERNIAGAAN PENGENDALIAN PELANCONGAN DAN PERNIAGAAN AGENSI PENGEMBARAAN**

BIL.	BIDANG	PEMEGANG SAHAM	HAD EKUITI PEGANGAN SAHAM (MAKSIMA)	LOKASI PREMIS	MODAL BERBAYAR DITERBITKAN ( MINIMA)
1.	Inbound	Syarikat Asing (ASEAN / Bukan ASEAN)	100%	Bandar / Luar Bandar	RM 1,500,000
2.	Inbound & Ticketing	Syarikat Asing (ASEAN)	70% - Singapura / Kemboja sahaja 51% - Selain Singapura / Kemboja	Bandar / Luar Bandar	RM 1,000,000
3.	Inbound & Ticketing	Syarikat Asing (Bukan ASEAN)	30%	Bandar / Luar Bandar	RM 500,000
4.	Outbound	Syarikat Asing (ASEAN / Bukan ASEAN)	Tidak Dibenarkan	Tidak Berkaitan	Tidak Berkaitan
5.	Inbound	Warganegara / Syarikat Tempatan	100%	Bandar	RM 200,000
				Luar Bandar	RM 50,000
6.	Outbound	Warganegara / Syarikat Tempatan	100%	Bandar / Luar Bandar	RM 200,000
7.	Ticketing	Warganegara / Syarikat Tempatan	100%	Bandar	RM 200,000
				Luar Bandar	RM 100,000
8.	Inbound & Outbound	Warganegara / Syarikat Tempatan	100%	Bandar / Luar Bandar	RM 200,000
9.	Inbound & Ticketing	Warganegara / Syarikat Tempatan	100%	Bandar	RM 200,000
				Luar Bandar	RM 150,000
10.	Outbound & Ticketing	Warganegara / Syarikat Tempatan	100%	Bandar / Luar Bandar	RM 200,000
11.	Inbound, Outbound & Ticketing	Warganegara / Syarikat Tempatan	100%	Bandar / Luar Bandar	RM 200,000

Nota : (1) Kategori **Bandar** jika lokasi premis perniagaan berada di kawasan **Majlis Bandaraya** dan **Majlis Perbandaran**.

(2) Kategori **Luar Bandar** jika lokasi premis perniagaan berada di kawasan **Majlis Daerah**.

## LAMPIRAN B

**SYARAT KELUASAN PREMIS  
PERNIAGAAN PENGENDALIAN PELANCONGAN/PERNIAGAAN AGENSI PENGEMBARAAN**

KELULUSAN PERMOHONAN	KAWASAN BANDAR (MAJLIS BANDARAYA & MAJLIS PERBANDARAN)		KAWASAN LUAR BANDAR (MAJLIS DAERAH)		Pengecualian Keluasan Premis (Tiada Had Keluasan Minima)
	Bidang	Keluasan Minima (KPS)	Bidang	Keluasan Minima (KPS)	
Lesen Induk (Ibu Pejabat)	Ticketing	80	Ticketing	50	(7) <i>Ticket/Tour Counter</i> di lapangan terbang, jeti pelancongan dan terminal bas
	Inbound	200	Inbound	100	
	Outbound	200	Outbound	100	
	Inbound & Outbound	250	Inbound & Outbound	150	(8) <i>Tour Desk</i> di Lobi hotel
	Inbound & Ticketing	250	Inbound & Ticketing	150	
	Outbound & Ticketing	250	Outbound & Ticketing	150	(9) <i>Kiosk / Booth</i> di Kompleks Beli belah
	Inbound & Outbound & Ticketing	300	Inbound & Outbound & Ticketing	200	
Lesen Tambahan (Pejabat Cawangan)	Ticketing	40	Ticketing	25	(7) <i>Ticket/Tour Counter</i> di lapangan terbang, jeti pelancongan dan terminal bas
	Inbound	100	Inbound	50	
	Outbound	100	Outbound	50	
	Inbound & Outbound	125	Inbound & Outbound	75	(8) <i>Tour Desk</i> di Lobi hotel
	Inbound & Ticketing	125	Inbound & Ticketing	75	
	Outbound & Ticketing	125	Outbound & Ticketing	75	(9) <i>Kiosk / Booth</i> di Kompleks Beli-belah
	Inbound & Outbound & Ticketing	150	Inbound & Outbound & Ticketing	100	

Nota : KPS ialah Kaki Persegi



# GARIS PANDUAN PERMOHONAN PERUBAHAN STATUS & LOKASI PREMIS

---

PERNIAGAAN PENGENDALIAN PELANCONGAN /  
PERNIAGAAN AGENSI PENGEMBARAAN

## **GARIS PANDUAN PERMOHONAN PERUBAHAN STATUS DAN LOKASI PREMIS PERNIAGAAN PENGENDALIAN PELANCONGAN/PERNIAGAAN AGENSI PENGEMBARAAN**

---

### 1. **Pendahuluan**

- (a) Perubahan status syarikat adalah merujuk kepada perubahan yang melibatkan:
  - Nama Syarikat
  - Modal Berbayar
  - Pemegang Saham
  - Ahli Lembaga Pengarah
- (b) Perubahan lokasi premis perniagaan.
- (c) Permohonan perubahan hendaklah **mendapat kelulusan PESURUHJAYA PELANCONGAN** terlebih dahulu sebelum membuat apa-apa perubahan. (Per. 6 (1) (b) dan 6 (1) (c) Peraturan-Peraturan Industri Pelancongan (Perniagaan Pengendalian Pelancongan dan Perniagaan Agensi Pengembaraan) 1992.

### 2. **Syarat-syarat permohonan:**

- (a) **Lesen Ibu Pejabat** masih sah.
- (b) **Lesen tambahan** (pejabat cawangan) yang berkenaan masih sah bagi permohonan pindah lokasi premis pejabat cawangan.
- (c) **Nama syarikat** hendaklah melambangkan syarikat menjalankan perniagaan pengendalian pelancongan atau perniagaan agensi pengembaraan bagi perubahan status melibatkan nama syarikat.
- (d) Mematuhi **syarat modal berbayar diterbitkan dan had ekuiti yang ditetapkan** seperti di **Lampiran A** bagi perubahan status melibatkan modal berbayar, Pemegang Saham atau pindah lokasi premis perniagaan.
- (e) Syarikat telah **beroperasi melebihi 2 tahun dari tarikh dilesenkan** bagi perubahan status melibatkan pemegang saham dan ahli lembaga pengarah.
- (f) **Pemegang saham tidak mempunyai kepentingan** (ekuiti saham) di dalam mana-mana syarikat agensi pelancongan berlesen dibawah Akta Industri Pelancongan 1992 bagi perubahan status yang melibatkan penyertaan pemegang saham yang baru.
- (g) Mematuhi **syarat keluasan premis** perniagaan pengendalian pelancongan dan perniagaan agensi pengembaraan seperti di **Lampiran B** bagi perubahan pindah lokasi premis perniagaan.

### 3. **Dokumen yang diperlukan:**

- (a) **Perubahan status modal berbayar:**
  - **Surat permohonan.** Nyatakan justifikasi permohonan dan berikan butiran perincian mengenai perubahan status yang dicadangkan itu.
- (b) **Perubahan status pemegang saham:**
  - **Surat permohonan.** Nyatakan justifikasi permohonan dan berikan butiran perincian mengenai perubahan status yang dicadangkan itu.

- Jika melibatkan penyertaan penama baru, kemukakan dokumen seperti berikut:
  - (i) Sekiranya **penama baru itu syarikat tempatan**; kemukakan e-Info SSM. Manakala jika **penama baru itu Pengusaha Agensi Pelancongan Luar Negara (Syarikat Asing)**; kemukakan Perakuan Pendaftaran Syarikat dan lesen yang mana setiap salinan dokumen berkenaan hendaklah disahkan oleh **Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia** (Tourism Malaysia) atau **Kedutaan Malaysia** atau **Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Malaysia** di negara berkenaan; atau
  - (ii) Sekiranya **penama baru itu individu**, kemukakan bukti pengesahan pengalaman kerja (surat lantikan atau akuan dari majikan terdahulu atau majikan semasa), Biodata (*resume*), MyKad (Warganegara) / Passport (Bukan Warganegara) dan sijil kelayakan akademik berkaitan bidang Pelancongan.
- (c) **Perubahan status Ahli Lembaga Pengarah:**
  - **Surat permohonan.** Nyatakan justifikasi permohonan dan berikan butiran perincian mengenai perubahan status yang dicadangkan itu.
  - Jika melibatkan **penyertaan penama baru**, kemukakan **bukti pengesahan pengalaman kerja** (surat lantikan atau akuan dari majikan terdahulu atau majikan semasa), Biodata (*resume*), MyKad (Warganegara) / Passport (Bukan Warganegara), sijil kelayakan akademik berkaitan bidang pelancongan.
- (d) **Perubahan status nama syarikat:**
  - **Surat permohonan.** Nyatakan justifikasi permohonan dan berikan butiran perincian mengenai perubahan status yang dicadangkan itu.
  - **Salinan asal lesen.**
- (e) **Perubahan lokasi premis perniagaan:**
  - **Surat permohonan.** Nyatakan justifikasi permohonan dan berikan butiran perincian mengenai perubahan status yang dicadangkan itu.
  - **Salinan asal lesen.**

#### 4. PERMOHONAN SELEPAS PERUBAHAN DIBUAT

Jika syarikat telah membuat perubahan status atau pindah lokasi premis **tanpa kelulusan Pesuruhjaya Pelancongan** terlebih dahulu, tindakan perundangan boleh diambil terhadap syarikat seperti **kompaun**. Dokumen yang perlu dikemukakan adalah seperti berikut:

- (a) **Perubahan status modal berbayar:**
  - **Surat penjelasan** dan berikan butiran perincian mengenai perubahan status berkenaan.
  - **Borang 24** (*Returned of Allotment of Shares*)
- (b) **Perubahan status pemegang saham:**
  - **Surat penjelasan** dan berikan butiran perincian mengenai perubahan status berkenaan.
  - **Borang 24** (*Returned of Allotment of Shares*).
  - **Borang 32A** (*Form of Transfer of Securities*) – jika berkenaan.

- Jika melibatkan **penyertaan penama baru**, kemukakan dokumen seperti:
  - (i) Sekiranya **penama baru itu syarikat tempatan**; kemukakan e-Info SSM. Manakala jika **penama baru itu pengusaha agensi pelancongan Luar Negara (Syarikat Asing)**; kemukakan perakuan pendaftaran syarikat dan lesen yang mana setiap salinan dokumen berkenaan hendaklah disahkan oleh **Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia** (Tourism Malaysia) atau **Kedutaan Malaysia** atau **Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Malaysia** di negara berkenaan; atau
  - (ii) Sekiranya **penama baru itu individu**, kemukakan bukti pengesahan pengalaman kerja (surat lantikan atau akuan dari majikan terdahulu atau majikan semasa), Biodata (*resume*), MyKad (Warganegara) / Pasport (Bukan Warganegara), sijil kelayakan akademik berkaitan bidang pelancongan.

(c) **Perubahan status Ahli Lembaga Pengarah:**

- **Surat penjelasan** dan berikan butiran perincian mengenai perubahan status berkenaan.
- **Borang 49** (*Return Giving Particulars in Register of Directors, Managers and Change of Particulars*)
- Jika melibatkan penyertaan penama baru, kemukakan **bukti pengesahan pengalaman kerja** (surat lantikan atau akuan dari majikan terdahulu atau majikan semasa), Biodata (*resume*), MyKad (Warganegara) / Pasport (Bukan Warganegara), sijil kelayakan akademik berkaitan bidang pelancongan.

(d) **Perubahan status nama syarikat:**

- **Surat penjelasan** dan berikan butiran perincian mengenai perubahan status berkenaan.
- **Borang 13** (*Certificate of Incorporation on Change of Name of Company*)
- Salinan asal lesen.

(e) **Perubahan lokasi premis perniagaan:**

- **Surat penjelasan** dan berikan butiran perincian mengenai perubahan status berkenaan.
- **Salinan asal lesen.**
- **Salinan Perjanjian Penyewaan Premis** (*Tenancy Agreement*) atau **salinan "Sales & Purchase"** (S&P) jika premis adalah milik syarikat;
- **Gambar berwarna** dalam dan luar premis.
- **Salinan lesen Pihak Berkuasa Tempatan.**

5. **Tatacara Permohonan :**

Kemukakan permohonan perubahan status / pindah lokasi premis kepada Pejabat Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan Malaysia Negeri mengikut lokasi Ibu Pejabat syarikat.

6. **Piagam Pelanggan : 3 hari bekerja** dari tarikh permohonan lengkap diterima.

7. **Tarikh Kuatkuasa :**

Garis Panduan ini adalah berkuatkuasa mulai **2 SEPTEMBER 2014**



**SYARAT PEGANGAN SAHAM, HAD EKUITI DAN MODAL BERBAYAR  
SYARIKAT PERNIAGAAN PENGENDALIAN PELANCONGAN DAN PERNIAGAAN AGENSI PENGEMBARAAN**

BIL.	BIDANG	PEMEGANG SAHAM	HAD EKUITI PEGANGAN SAHAM (MAKSIMA)	LOKASI PREMIS	MODAL BERBAYAR DITERBITKAN ( MINIMA)
1.	Inbound	Syarikat Asing (ASEAN / Bukan ASEAN)	100%	Bandar / Luar Bandar	RM 1,500,000
2.	Inbound & Ticketing	Syarikat Asing (ASEAN)	70% - Singapura / Kemboja sahaja 51% - Selain Singapura / Kemboja	Bandar / Luar Bandar	RM 1,000,000
3.	Inbound & Ticketing	Syarikat Asing (Bukan ASEAN)	30%	Bandar / Luar Bandar	RM 500,000
4.	Outbound	Syarikat Asing (ASEAN / Bukan ASEAN)	Tidak Dibenarkan	Tidak Berkaitan	Tidak Berkaitan
5.	Inbound	Warganegara / Syarikat Tempatan	100%	Bandar	RM 200,000
				Luar Bandar	RM 50,000
6.	Outbound	Warganegara / Syarikat Tempatan	100%	Bandar / Luar Bandar	RM 200,000
7.	Ticketing	Warganegara / Syarikat Tempatan	100%	Bandar	RM 200,000
				Luar Bandar	RM 100,000
8.	Inbound & Outbound	Warganegara / Syarikat Tempatan	100%	Bandar / Luar Bandar	RM 200,000
9.	Inbound & Ticketing	Warganegara / Syarikat Tempatan	100%	Bandar	RM 200,000
				Luar Bandar	RM 150,000
10.	Outbound & Ticketing	Warganegara / Syarikat Tempatan	100%	Bandar / Luar Bandar	RM 200,000
11.	Inbound, Outbound & Ticketing	Warganegara / Syarikat Tempatan	100%	Bandar / Luar Bandar	RM 200,000

Nota : (1) Kategori **Bandar** jika lokasi premis perniagaan berada di kawasan **Majlis Bandaraya** dan **Majlis Perbandaran**.

(2) Kategori **Luar Bandar** jika lokasi premis perniagaan berada di kawasan **Majlis Daerah**.

## LAMPIRAN B

**SYARAT KELUASAN PREMIS  
PERNIAGAAN PENGENDALIAN PELANCONGAN/PERNIAGAAN AGENSI PENGEMBARAAN**

KELULUSAN PERMOHONAN	KAWASAN BANDAR (MAJLIS BANDARAYA & MAJLIS PERBANDARAN)		KAWASAN LUAR BANDAR (MAJLIS DAERAH)		Pengecualian Keluasan Premis (Tiada Had Keluasan Minima)
	Bidang	Keluasan Minima (KPS)	Bidang	Keluasan Minima (KPS)	
Lesen Induk (Ibu Pejabat)	Ticketing	80	Ticketing	50	(10) <i>Ticket/Tour Counter</i> di lapangan terbang, jeti pelancongan dan terminal bas
	Inbound	200	Inbound	100	
	Outbound	200	Outbound	100	
	Inbound & Outbound	250	Inbound & Outbound	150	(11) <i>Tour Desk</i> di Lobi hotel
	Inbound & Ticketing	250	Inbound & Ticketing	150	
	Outbound & Ticketing	250	Outbound & Ticketing	150	
	Inbound & Outbound & Ticketing	300	Inbound & Outbound & Ticketing	200	(12) <i>Kiosk / Booth</i> di Kompleks Beli belah
Lesen Tambahan (Pejabat Cawangan)	Ticketing	40	Ticketing	25	(10) <i>Ticket/Tour Counter</i> di lapangan terbang, jeti pelancongan dan terminal bas
	Inbound	100	Inbound	50	
	Outbound	100	Outbound	50	
	Inbound & Outbound	125	Inbound & Outbound	75	(11) <i>Tour Desk</i> di Lobi hotel
	Inbound & Ticketing	125	Inbound & Ticketing	75	
	Outbound & Ticketing	125	Outbound & Ticketing	75	
	Inbound & Outbound & Ticketing	150	Inbound & Outbound & Ticketing	100	(12) <i>Kiosk / Booth</i> di Kompleks Beli-belah

Nota : KPS ialah Kaki Persegi



# GARIS PANDUAN PERMOHONAN PEMBAHARUAN LESEN

---

PERNIAGAAN PENGENDALIAN PELANCONGAN /  
PERNIAGAAN AGENSI PENGEMBARAAN

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN PEMBAHARUAN LESEN  
(IBU PEJABAT & PEJABAT CAWANGAN)  
PERNIAGAAN PENGENDALIAN PELANCONGAN/PERNIAGAAN AGENSI PENGEMBARAAN**

---

1. **Syarat-syarat permohonan :**

- (a) Permohonan pembaharuan hendaklah dikemukakan **dalam tempoh 60 hari sebelum tempoh sah lesen berakhir**.
- (b) Permohonan yang dikemukakan **selepas tempoh sah lesen berakhir** akan dikenakan kompaun.
- (c) Permohonan Pembaharuan lesen Ibu Pejabat dan Pejabat Cawangan (jika ada) hendaklah dikemukakan serentak.
- (d) Telah hadir **kursus TTEC** (Travel & Tours Enhancement Course).

Sekurang-kurangnya seorang wakil dari syarikat telah menghadiri kursus *Travel & Tours Enhancement Course* (TTEC) yang dianjurkan oleh Institut Latihan Pelancongan yang berlesen dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia. Wakil syarikat adalah seperti berikut:

- Ahli Lembaga Pengarah; atau
  - Kakitangan yang berada diperingkat pengurusan tertinggi seperti Ketua Pegawai Eksekutif, Pengurus Besar, Pengurus, Pengurus Cawangan dan sebagainya.
- (e) Bebas daripada **kompaun** di bawah **AIP 1992** atau **Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan (APKP) 1999** (Sabah, Sarawak dan WP Labuan).

2. **Dokumen yang diperlukan:**

- (a) **Borang 11**
  - (b) **Borang 13**
  - (c) **Borang 24**
  - (d) **Borang 32A**
  - (e) **Borang 49**
- } Sekiranya syarikat ada melakukan perubahan struktur syarikat
- (f) Salinan **Laporan Penyata Kewangan Tahunan Beraudit Terkini** yang telah diserahkan dan disahkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
  - (g) Salinan **sijil keahlian persatuan pelancongan** (masih sah laku) yang diiktiraf oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia. Persatuan terlibat adalah **MATTA, BUMITRA, MCTA, MITA, MiTA** dan **CRAM**;
  - (h) Salinan **sijil kursus TTEC**; dan
  - (i) **Borang Soal selidik** Syarikat Agensi Pelancongan & Pengembaraan.

3. **Tatacara Permohonan:**

- (a) Melengkapkan maklumat permohonan di dalam Sistem Pelesenan Industri Pelancongan (SPIP) melalui laman sesawang [www.spip.gov.my](http://www.spip.gov.my) .
- (b) Semua dokumen seperti yang dinyatakan di **para 2** hendaklah dimuatnaik ke dalam SPIP.

4. **Fi Pemerosesan :**
- (a) Pembayaran secara *online*: **RM20.00** bagi Lesen Ibu Pejabat dan setiap cawangan di [www.spip.gov.my](http://www.spip.gov.my); atau
- (b) Pembayaran secara manual : **RM20.00** dalam bentuk Wang Pos / Deraf Bank / Kiriman Wang sahaja atas nama **PESURUHJAYA PELANCONGAN**.
5. **Piagam Pelanggan : 3 hari bekerja** dari tarikh permohonan lengkap diterima.
6. **Kriteria keputusan** tempoh kelulusan pembaharuan lesen adalah seperti yang beriku:

Bil.	Perkara	Tempoh Lesen
1	(a) Dokumen permohonan pembaharuan dikemukakan <b>lengkap</b> ; (b) Syarikat mencatatkan <b>keuntungan pada tahun semasa</b> ; (c) <i>Statement Of Changes In Equity</i> menunjukkan <b>baki ekuiti mematuhi syarat</b> modal berbayar diterbitkan ( <b>Lampiran A</b> )	3 Tahun
2	(a) Dokumen permohonan pembaharuan dikemukakan <b>lengkap</b> ; (b) Syarikat mencatatkan <b>kerugian pada tahun semasa</b> ; (c) <i>Statement Of Changes In Equity</i> menunjukkan <b>baki ekuiti mematuhi syarat</b> modal berbayar diterbitkan ( <b>Lampiran A</b> )	2 Tahun
3	(a) Dokumen permohonan pembaharuan dikemukakan <b>lengkap</b> ; (b) <i>Statement Of Changes In Equity</i> menunjukkan <b>baki ekuiti tidak mematuhi syarat</b> modal berbayar diterbitkan ( <b>Lampiran A</b> ); (c) <i>Balance Sheet</i> menunjukkan syarikat mempunyai <b>aset yang mencukupi</b> untuk menjelaskan liabilitinya	1 Tahun
4	(a) Dokumen permohonan pembaharuan dikemukakan <b>lengkap</b> (b) <i>Statement Of Changes In Equity</i> menunjukkan baki ekuiti <b>tidak mematuhi syarat</b> modal berbayar diterbitkan ( <b>Lampiran A</b> ) (c) <i>Balance Sheet</i> menunjukkan syarikat <b>tidak mempunyai aset yang mencukupi</b> untuk menjelaskan liabilitinya atau (d) Dokumen permohonan pembaharuan <b>tidak lengkap</b> atau (e) Mengemukakan permohonan pembaharuan lesen <b>melebihi 60 hari sebelum tempoh sah lesen berakhir</b> atau (f) Mengemukakan permohonan pembaharuan lesen <b>selepas 30 hari tempoh sah lesen berakhir</b> .	Tidak Lulus

7. **Keputusan Permohonan** : Surat keputusan permohonan akan di alamatkan kepada alamat berdaftar syarikat.

7.1 **Bagi permohonan yang DILULUSKAN**

Sebelum lesen serta *stiker* diserahkan, syarikat hendaklah:

- Menjelaskan fi lesen bagi Ibu Pejabat dan Setiap Pejabat Cawangan (Jika Ada)
- Mengembalikan lesen dan *sticker* asal; dan
- Lesen dan *sticker* baru akan diserahkan kepada syarikat.

7.2 **Bagi permohonan yang TIDAK DILULUSKAN**

- (a) Syarikat boleh mengemukakan **rayuan secara *online* melalui [www.spip.gov.my](http://www.spip.gov.my) dalam tempoh 14 hari** dari tarikh surat keputusan dikeluarkan;
- (b) Mengemukakan dokumen-dokumen berkaitan berdasarkan alasan penolakan permohonan;
- (c) Menjelaskan **kompaun** (jika ada) bagi kesalahan di bawah **AIP 1992** atau **Akta APKP 1999** (Sabah, Sarawak dan WP Labuan).

8. **Pengembalian Lesen / Tamat Tempoh Sah Lesen :**

- (a) Sekiranya syarikat gagal mengemukakan permohonan pembaharuan lesen hingga menyebabkan lesen yang diberikan telah habis tempohnya, maka dalam tempoh 14 hari dari tarikh habisnya tempoh lesen, **salinan asal lesen termasuk apa-apa lesen tambahan hendaklah dikembalikan** kepada Pesuruhjaya;
- (b) Syarikat hendaklah dengan **serta-merta berhenti menjalankan atau mengendalikan apa-apa perniagaan** yang berkaitan dengan lesen itu telah diberikan kecuali permohonan pembaharuan telah dikemukakan dan sedang diproses; dan
- (c) Kegagalan syarikat mematuhi para 8 (a) dan (b) di atas boleh menyebabkan syarikat dikenakan tindakan perundangan.

9. **Fi lesen** : Rujuk jadual di bawah:

<b>BIL.</b>	<b>BIDANG</b>	<b>TEMPOH LESEN</b>	<b>FI LESEN (IBU PEJABAT)</b>	<b>FI LESEN TAMBAHAN (PEJABAT CAWANGAN)</b>
1.	Inbound	1 tahun	RM 125	RM 75
		2 tahun	RM 250	RM 150
		3 tahun	RM 375	RM 225
2.	Outbound	1 tahun	RM 500	RM 350
		2 tahun	RM 1,000	RM 700
		3 tahun	RM 1,500	RM 1,050
3.	Ticketing	1 tahun	RM 100	RM 50
		2 tahun	RM 200	RM 100
		3 tahun	RM 300	RM 150
4.	Inbound & Outbound	1 tahun	RM 625	RM 425
		2 tahun	RM 1,250	RM 850
		3 tahun	RM 1,875	RM 1,275
5.	Inbound & Ticketing	1 tahun	RM 225	RM 125
		2 tahun	RM 450	RM 250
		3 tahun	RM 675	RM 375
6.	Outbound & Ticketing	1 tahun	RM 600	RM 400
		2 tahun	RM 1,200	RM 800
		3 tahun	RM 1,800	RM 1,200
7.	Inbound, Outbound & Ticketing	1 tahun	RM 725	RM 475
		2 tahun	RM 1,450	RM 950
		3 tahun	RM 2,175	RM 1,425

10. **Tarikh Kuatkuasa:**

Garis Panduan ini adalah berkuatkuasa mulai **2 SEPTEMBER 2014**

**SYARAT PEGANGAN SAHAM, HAD EKUITI DAN MODAL BERBAYAR  
SYARIKAT PERNIAGAAN PENGENDALIAN PELANCONGAN DAN PERNIAGAAN AGENSI PENGEMBARAAN**

BIL.	BIDANG	PEMEGANG SAHAM	HAD EKUITI PEGANGAN SAHAM (MAKSIMA)	LOKASI PREMIS	MODAL BERBAYAR DITERBITKAN ( MINIMA)
1.	Inbound	Syarikat Asing (ASEAN / Bukan ASEAN)	100%	Bandar / Luar Bandar	RM 1,500,000
2.	Inbound & Ticketing	Syarikat Asing (ASEAN)	70% - Singapura / Kemboja sahaja 51% - Selain Singapura / Kemboja	Bandar / Luar Bandar	RM 1,000,000
3.	Inbound & Ticketing	Syarikat Asing (Bukan ASEAN)	30%	Bandar / Luar Bandar	RM 500,000
4.	Outbound	Syarikat Asing (ASEAN / Bukan ASEAN)	Tidak Dibenarkan	Tidak Berkaitan	Tidak Berkaitan
5.	Inbound	Warganegara / Syarikat Tempatan	100%	Bandar	RM 200,000
				Luar Bandar	RM 50,000
6.	Outbound	Warganegara / Syarikat Tempatan	100%	Bandar / Luar Bandar	RM 200,000
7.	Ticketing	Warganegara / Syarikat Tempatan	100%	Bandar	RM 200,000
				Luar Bandar	RM 100,000
8.	Inbound & Outbound	Warganegara / Syarikat Tempatan	100%	Bandar / Luar Bandar	RM 200,000
9.	Inbound & Ticketing	Warganegara / Syarikat Tempatan	100%	Bandar	RM 200,000
				Luar Bandar	RM 150,000
10.	Outbound & Ticketing	Warganegara / Syarikat Tempatan	100%	Bandar / Luar Bandar	RM 200,000
11.	Inbound, Outbound & Ticketing	Warganegara / Syarikat Tempatan	100%	Bandar / Luar Bandar	RM 200,000

Nota : (1) Kategori **Bandar** jika lokasi premis perniagaan berada di kawasan **Majlis Bandaraya** dan **Majlis Perbandaran**.

(2) Kategori **Luar Bandar** jika lokasi premis perniagaan berada di kawasan **Majlis Daerah**.